

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JUNE 2016

Rayuan tokoh Melayu kepada Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 20 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta untuk berunding dengan pemimpin UMNO jika mahu melihat perpaduan Melayu utuh tanpa berlaku perpecahan.

Ahli Majlis Tertinggi Pertubuhan Pemikir Agenda Watan Malaysia (Pemikir), **Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman** berkata, sekiranya benar beliau mahu 'membetulkan' semula UMNO kerana melihat kepemimpinannya tidak baik, beliau perlu memilih jalan perundingan dan bukannya menggunakan cara sendiri.

"Dr. Mahathir juga orang Melayu, kalau kita dapat berunding semula demi menyatupadukan semula orang Melayu, saya rasa matlamat ini boleh berjaya.

"Kalau beliau nak buat (cara) sendiri melalui (Deklarasi Rakyat), dia tidak akan dapat sokongan ramai kerana UMNO sudah besar, Pas juga sudah besar dan parti-parti lain yang ada orang Melayu pun begitu juga. Apa yang penting ialah menyatupadukan semua parti Melayu supaya jangan berpecah. Kalau nak pecah UMNO itu amat



ABDUL AZIZ ABDUL RAHMAN

susah kerana dia sudah besar," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad meminta agar Dr. Mahathir mengambil iktibar daripada keputusan para pengundi di Sungai Besar dan Kuala Kangsar yang memberikan kemenangan dengan undi majoriti lebih besar kepada Barisan Nasional (BN).

Nasihat itu disuarakan kerana beliau mahu melihat orang Melayu bersatu dan bukan terus bercakaran.

Dalam pada itu, Pengerusi Biro Integriti Majlis Perundangan Melayu (MPM), **Tan Sri Mohd. Za-**



MOHD. ZAMAN KHAN RAHIM KHAN

man Khan Rahim Khan berkata, sebagai orang Melayu, Dr. Mahathir perlu memikirkan soal bangsa supaya Melayu pada akhirnya tidak menjadi 'penumpang' di bumi sendiri.

Katanya, perkara asas itu perlu diutamakan walaupun wujud perselisihan dalam beberapa aspek, namun perpaduan

orang Melayu harus menjadi agenda penting demi keselamatan dan kesejahteraan negara.

"Saya hormat Dr. Mahathir. Tetapi sebagai seorang Melayu, saya rasa kalau kita berpecah-belah, orang Melayu akan menghadapi kehilangan kuasa dan kedudukan kita di tanah tumpah darah Melayu akan tergugat.

"Kalau ada apa-apa perselisihan pun kita mesti ingat, relaklah kita melihat Melayu hancur dan menjadi penumpang di negara sendiri pula? Saya merayu kita bersatu padu, bukan untuk merampas kuasa daripada orang lain tetapi supaya kesejahteraan dan keselamatan negara terjamin," katanya.

Um - 21/6/2016